


KERATIAN AKHBAR

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA,
NO 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRENSIT 3, 62100 PUTRAJAYA

BAHAGIAN PUSAT SUMBER HAKI UMAT DAN PENERBITAN



AKHBAR

BERITA HARIAN
 UTUSAN MALAYSIA
 HARIAN METRO

THE STAR
 NEW STRAITS TIMES

SUBJEK

KAHWIN & CERAI
 JENAYAH SYARIAH
 PELBAGAI

TUNTUTAN
 AKIDAH

CATATAN

TARIKH

10/01/2020

Elak konflik pembahagian harta pusaka dengan ilmu



Pegawai Syarie (Perunding Keluarga dan Pewarisan)

Pengurusan dan pembahagian harta pusaka termasuk perkara yang perlu disegerakan, tetapi ia perlu dilakukan adil serta mengikut hukum syarak. Paling penting, waris atau orang lain tidak terpalit dengan risiko menggunakan harta si mati ke arah tidak telus dan batil.

Apabila meninggal dunia dan dikedumikan, waris bertanggungjawab mentadbir dan menguruskan harta ditinggalan si mati. Namun, hutang si mati perlu dibayar dahulu dan diselesaikan, manakala wasiatnya jika ada

ditunaikan sebelum harta diwariskan kepada waris yang berhak.

Naamun, dalam mengurus atau membahagikan harta pusaka, sering kali timbul permasalahan. Lantas secara tidak langsung ia menimbulkan kekangan kepada urusan mengurus dan membahagikan harta pusaka.

Masalah pertama mungkin berpunca norma masyarakat Melayu yang cenderung menganggap tindakan membahagikan harta dengan segera sebagai cerminan sikap tamak harta si mati.

Masyarakat Melayu terkenal dengan budi bahasa, lemah lembut, tatasusila dan kesopanan. Menjadi kebiasaan masyarakat Melayu takut untuk menguruskan dan membahagikan harta si mati kerana tidak mahu dilabel tamak, rakus, tidak tahu malu atau tidak menghormati si mati yang baru meninggal.

Dalam hukum syarak, perurusan dan pembahagian segera

kepada harta si mati atau arwah amat digalakkan untuk membolehkan hutang si mati atau arwah terbayar dan diselesaikan. Jika ada wasiat dibuat si mati, ia dapat disempurnakan segera sebelum bahagian selebihnya boleh diundi waris.

Ramai juga dalam kalangan masyarakat Melayu dan Islam tidak menpunyai pengetahuan terhadap ilmu faraid atas dasar tidak mahu belajar. Lantas mereka mengharap orang lain menguruskannya, selain tidak prihatin akan tuntutan syarak berkenaan.

Masalah juga timbul apabila dalam kalangan waris ada bertelingkah atau tidak berbaik-baik antara satu sama lain. Keadaan ini sering berlaku dengan puncanya pelbagai.

Contohnya seorang wanita meninggal dunia dan tidak mempunyai anak melalui perkahwinan.

Lebih teruk si mati dan suami mempunyai konflik tertentu. Lebih teruk keluarga suami juga

tidak berbaik atau berendaman dengan si mati.

Isu yang selalu timbul siapakah pentadbir yang perlu dilantik bagi menguruskan harta pusaka arwah? Bertakutlah sesi peributan dan salah salah-menyalah hingga melambatkan proses pengurusan dan pembahagian harta si mati.

Masalah ketiga pula, ada dalam kalangan waris yang sudah pun menggunakan harta sebelum pemilikannya meninggal dunia, contohnya rumah atau tanah. Jadi, individu terlibat mula berasa takut harta berkenaan akan jatuh ke tangan waris lain.

Bayangkan jika rumah atau tanah itu diturunkan dengan segera dan dibahagikan, maka waris yang menetap di situ mungkin perlu keluar.

Ada juga ahli waris lain yang mahukan tanah atau rumah itu dijual, sebelum dibahagikan wang hasil jualan mengikut kiraan faraid. Di sinilah konflik akan timbul. Ada juga kes waris dengan

tidak jujur menkar tanah atau rumah atas nama anak sendiri tanpa pengetahuan dan kebenaran ahli waris lain.

Ringkasnya, konflik yang timbul dalam soal pengurusan dan pembahagian harta pusaka mungkin melarat sehingga membahayakan tindakan saman atau tuntutan di Mahkamah Syariah dan Sivik.

Lebih menyedihkan kes mahkamah akan berlarutan bertahun-tahun tanpa ada penyelesaian. Puncanya apabila pihak yang mengambil harta pusaka seperti tanah, rumah atau duit enggan membiayakannya dengan cara baik.

Untuk mengelak berlakunya konflik dalam pengurusan dan pembahagian harta pusaka, seeloknya umat Islam ada insiatif sendiri untuk mendalami isu berkaitan harta pusaka. Sekurangnya jika ada konflik timbul, ia akan lebih mudah ditangani.